

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur

Syarikat yang tidak dibenarkan beroperasi ketika penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi sejak Jun lalu cenderung melaksanakan pemotongan gaji berbanding memberhentikan pekerja bagi mengekalkan kelangsungan operasi.

Artikel diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia bertajuk Impak Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi Terhadap Permintaan Buruh: Kajian jangka Pendek mendapati, perniagaan dalam sektor tidak penting merekodkan peratus pemotongan gaji lebih tinggi berbanding sektor penting lain.

Pengurangan pengeluaran berkaitan ketidadaan atau permintaan perlahan adalah antara faktor utama pemberhentian pekerja, jelas artikel itu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uvir Mahidin berkata, situasi ekonomi kurang memburang sejak 2020 memberi kesan khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kebiasaannya perusahaan ini beroperasi dengan sumber terhad, memperoleh margin keuntungan kecil dan cenderung memperuntukkan perbelanjaan besar bagi pampasan pekerja.

Katanya, PKS yang merangkumi 97.2 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia memiliki 7.25 juta pekerja atau 48 peratus daripada keseluruhan guna tenaga.

"Menyadari peranan penting PKS dalam ekonomi



PENGURANGAN pengeluaran berkaitan ketidadaan atau permintaan perlahan adalah antara faktor utama pemberhentian pekerja.

POTONG GAJI ELAK PEMBERHENTIAN

Langkah syarikat terhadap pekerja apabila tidak dibenarkan beroperasi susulan PKP

Malaysia dan kerentanannya terhadap faktor luar jangka, inisiatif dan pakej rangsangan unik disediakan secara berterusan bagi membantu perniagaan dalam kategori ini," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, dari segi pengurusan aliran tunai, Program Subsidi Upah dan moratorium pinja-

man adalah antara inisiatif jangka pendek yang dapat mengurangkan beban aliran tunai PKS.

Katanya, dalam jangka masa panjang, peralihan sistematik ke arah automasi dan pendigitalan dapat ditolak melalui inisiatif seperti Geran Padanan Digital PKS, Dana Transformasi Teknologi PKS,

Geran Automasi Pintar dan Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (Pupuk).

"Inisiatif ini antara alternatif bagi membantu PKS mengekalkan perniagaan dan memastikan mereka dilengkap dengan perisian, perkakasan dan kemahiran bersesuaian dalam melaksanakan inovasi serta mempertingkatkan perniagaan ke tahap lebih tinggi," katanya.

Mengenai prestasi pasa-

ran buruh bagi suku kedua 2021, Mohd Uvir berkata, ia bertambah baik berbanding suku sama tahun sebelumnya apabila Impak Covid-19 melanda negara buat pertama kali.

"Namun, langkah kawalan yang merangkumi sekatan berterusan aktiviti ekonomi dan sosial dilaksanakan menjelang akhir suku kedua 2021 bagi melindungi kesihatan awam.

"Prosedur lebih ketat berbanding suku pertama tahun ini, menyebabkan momentum pemulihan pasaran buruh terjejas pada suku kedua lalu," katanya.

PKS merangkumi 97.2 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia